

06/09/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup lebih tinggi dengan mendadak semalam kerana dana tempatan dan pelabur individu runcit memasuki pasaran untuk membeli saham secara besar-besaran.

Tanda aras Indeks Komposit memantul 90.47 mata atau 12.37 peratus kepada 821.59. Paras paling tinggi hariannya adalah pada 824.22 kira-kira 42 minit sebelum penutupan.

Indeks Emas meningkat 26.25 mata kepada 231.18, Indeks Perusahaan meningkat 189.35 mata kepada 1,657.58 dan Indeks Papan Kedua melambung 38.27 mata kepada 401.01.

Saham untung mengatasi rugi sebanyak 790 berbanding 20 manakala 17 kaunter tidak berubah dan 58 saham lain tidak diniagakan.

Dengan kembalinya pengurus dana yang kebanyakannya peniaga tempatan, jumlah dagangan Papan Utama berkembang kepada 674.098 juta saham bernilai RM3,025.159 juta dari 424.758 juta saham bernilai RM1,421.260 juta kelmarin.

Jumlah dagangan Papan Kedua meningkat kepada 51.527 juta saham bernilai RM422.746 juta daripada 33.146 juta saham bernilai RM255.286 juta.

Urus niaga langsung berjumlah 32.074 juta saham bernilai 176.698 juta daripada 22.596 juta saham bernilai RM113.596 juta.

Penganalisis berkata, dana tempatan yang mulai memasuki pasaran lewat kelmarin kembali bertenaga sejak pasaran dibuka, menyekat tekanan jualan oleh pelabur asing.

Sentimen terhadap pasaran turut ditingkatkan kerana pembatalan taraf saham ditanda terhadap komponen Indeks Komposit, yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin.

Dengan minat belian yang teguh, beberapa saham mencecah 30 peratus had tertinggi dan banyak saham yang meningkat lebih tinggi lagi pada sesi sebelah petang.

Syarikat insurans Malaysian Assurance meningkat 58 peratus atau RM3.50 kepada RM9.50, pengendali jalan lencongan Littrak meningkat 53 peratus atau RM1.12 kepada RM3.22 dan syarikat kejuruteraan IJM meningkat 50 peratus atau 97 sen kepada RM2.91.

Di kalangan saham berwajaran tinggi utama, Maybank meningkat 16 peratus atau RM2.60 kepada RM18.80, Tenaga Nasional meningkat 20 peratus atau RM1.45 kepada RM8.50 dan Telekom meningkat 10 peratus atau 95 sen kepada RM9.75.

Barangan pengguna menyumbang 50.191 juta saham diurusniagakan, barangan industri 62.068 juta, pembinaan 67.211 juta, perdagangan/perkhidmatan 206.297 juta, infrastruktur 8.547 juta, kewangan 134.414 juta, hotel 2.281 juta, harta 76.142 juta, perladangan 17.089 juta, perlombongan 2.645 juta, amanah 699,000, dana tertutup 395,000 dan stok pinjaman 46.115 juta. -

Bername

(END)